

## BAB EMPAT

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 4.1. Rumusan

Pemberian hantaran telah menjadi satu kemestian dalam majlis perkahwinan. Amalan tersebut tidak kalah pentingnya dengan pemberian mahar. Ia sudah menjadi tradisi dalam kalangan masyarakat Islam pada umumnya. Oleh kerana itu, amalan pemberian mahar dan hantaran hampir-hampir tidak dapat dielakkan daripada kalangan masyarakat Islam.

Untuk pemberian mahar, Islam tidak menetapkan bentuk dan kadar tertentu yang mesti diikuti sebagai pedoman. Islam memberikan kebebasan kepada penganutnya untuk memberi mahar yang bersesuaian dengan kemampuan umatnya. Walaupun mahar tersebut hanya berbentuk cincin daripada besi, namun ia merupakan pemberian yang diwajibkan kepada lelaki yang akan berkahwin. Selain itu, mahar tersebut hendaklah milik mutlak orang yang memberi dan mempunyai manfaat kepada orang yang diberi.

Pemberian hantaran merupakan tradisi yang telah diamalkan secara warisan turun-temurun yang diwarisi daripada generasi terdahulu yang sukar untuk dihilangkan. Tradisi pemberian hantaran ini juga dijangka akan terus bertahan. Hal ini kerana ia telah rapat dalam kehidupan masyarakat dan juga telah melalui proses penyesuaian zaman sehingga sekarang. Oleh kerana itu, Islam membolehkan amalan tersebut selama ia tidak

bercanggah dengan prinsip Islam. Walaupun tidak terdapat nas syarak yang menjelaskan hukum beramal dengan amalan tersebut, selagi amalan pemberian hantaran tidak membebankan pihak yang memberi, maka hukum beramal dengan amalan tersebut adalah harus. Hantaran yang diberikan itu perlu ikhlas kerana Allah S.W.T. dan bukan hasil daripada wang pinjaman yang boleh menyebabkan keadaan kewangan seseorang itu tidak stabil.

Di samping itu, sebahagian besar anggota masyarakat menganggapnya sebagai suatu kebiasaan yang dilakukan oleh masyarakat tempatan dan seterusnya dijaga dengan kukuh. Dengan demikian, kenyataan ini menjelaskan amalan pemberian hantaran dalam pelaksanaannya diterima oleh majoriti masyarakat setempat.

Pemberian hantaran selalu berhubung kait dalam pemberian mahar. Seterusnya dapatlah disimpulkan bahawa masyarakat Islam daerah Pulau Bangka mempunyai amalan yang berbeza-beza dalam pelaksanaannya. Pada umumnya, masyarakat Islam daerah Pulau Bangka lebih cenderung mementingkan hantaran berbanding mahar. Walaupun demikian, rundingan mengenai hantaran dapat dilakukan untuk mengelakkan daripada timbulnya rasa kecil hati atau tidak puas hati antara kedua-dua pihak.

Beberapa daerah di Pulau Bangka seperti daerah Bangka Selatan dan perkampungan orang Bugis, lebih cenderung meninggikan kadar hantaran. Hal ini kerana masyarakat Islam tersebut kurang memahami hikmah pensyariatatan mahar. Namun, dalam pemberian mahar, masyarakat Islam daerah Pulau Bangka telah memahami akan kewajipan amalan tersebut. Pemahaman ini dapat diamati bahawa

sesetengah lelaki akan memberikan mahar daripada hasil pendapatannya sendiri kerana diyakini mahar tersebut merupakan *nafkah awwal* bagi pengantin perempuan yang akan menjadi isterinya. Oleh itu, dalam majlis akad nikah hanya mahar yang disebutkan sedangkan hantaran tidak disebutkan.

Dalam pemberian mahar dan hantaran perkahwinan, beberapa faktor telah dikenal pasti dan dijadikan amalan dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka. Faktor-faktor tersebut antaranya ialah pengaruh adat istiadat, faktor ekonomi dan nilai semasa emas. Faktor ekonomi dan adat istiadat lebih diambil kira berbanding faktor nilai semasa emas. Hal ini kerana adat istiadat telah melalui proses penyesuaian zaman sehingga sekarang. Manakala faktor nilai semasa emas kurang diambil kira dalam penetapan kadar mahar untuk masyarakat yang tinggal di daerah perkampungan Pulau Bangka kerana masyarakat tersebut lebih cenderung memberikan seperangkat alat solat untuk dijadikan mahar mengikut adat kebiasaan tempatan. Hal ini diyakini bahawa alat-alat tersebut lebih bermanfaat berbanding dengan memberikan emas yang boleh dijual dan habis dalam tempoh yang singkat kerana alat-alat tersebut boleh digunakan untuk beribadah.

Taraf ekonomi masyarakat merupakan faktor utama dalam penetapan kadar pemberian hantaran dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka. Hal ini kerana keadaan ekonomi semasa turut mempengaruhi kenaikan harga barang-barang yang akan dijadikan hantaran, sama ada berbentuk wang atau barang.

Selain itu, status pekerjaan lelaki cenderung mempengaruhi dalam pemberian kadar mahar dan hantaran berbanding kriteria-kriteria yang lain. Faktor ini diambil kira kerana sebahagian masyarakat berasa bangga apabila menantunya telah mempunyai pekerjaan. Apatah lagi menantu tersebut mendapatkan pekerjaan yang setaraf dengan kelulusan yang dimiliki sehingga mampu mencukupi keperluan hidup anak mereka. Namun, status pendidikan kurang diambil kira oleh masyarakat Islam daerah Pulau Bangka. Hal ini kerana sesetengah masyarakat beranggapan seseorang lelaki yang belum mempunyai pekerjaan, kurang berkedudukan di mata mereka walaupun lelaki tersebut berkelulusan tinggi.

Dalam pelaksanaan pemberian mahar dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka, dapat disimpulkan telah bersesuaian dengan syariat Islam. Boleh dikatakan bahawa jumlah mahar tidak terlalu rendah dan tidak terlalu tinggi sehingga memudahkan kepada pihak lelaki untuk membayarkannya. Walaupun mahar yang diberikan berjumlah sedikit, namun mahar tersebut selalunya dibayar dengan tunai. Jarang sekali terdapat dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka, maharnya yang dibayar secara hutang. Keadaan ini bagi mengelakkan perselisihan di kemudian hari.

Pelaksanaan pemberian hantaran dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka masih terlalu tinggi, khususnya di daerah Bangka Selatan dan perkampungan orang Bugis. Hal ini telah membebankan pihak lelaki yang hendak berkahwin di daerah tersebut apatah lagi hantaran tersebut digunakan untuk bermegah-megah dalam pelaksanaan majlis perkahwinan. Walaupun ibu bapa pengantin perempuan ingin anak

gadisnya hidup berkeluarga lebih selesa, tetapi tidak sepatutnya hantaran yang diminta terlalu membebankan pihak lelaki. Hal ini kerana Allah telah mencukupkan rezeki hambaNya untuk masa hadapan kehidupannya.

#### **4.2. Saranan dan Cadangan**

Urusan kehidupan masyarakat turut dipengaruhi oleh adat istiadat yang diwarisi daripada generasi terdahulu. Malah amalan pemberian mahar dan hantaran merupakan amalan yang tidak dapat dielakkan daripada kalangan masyarakat Islam, sedikit sebanyak telah dipengaruhi oleh adat istiadat tersebut. Bahkan timbul ketidakseragaman dalam pengamalan pemberian mahar dan hantaran dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka. Oleh itu, perlu ada usaha-usaha daripada pihak-pihak tertentu bagi memberi kefahaman kepada masyarakat.

Pensyariatan mahar yang wujud dalam Islam yang bersifat terlalu umum menyebabkan timbulnya kekeliruan pemahaman dalam amalan masyarakat Islam Pulau Bangka. Maka, Kementerian Agama (Kemenag) yang mewakili kerajaan yang mempunyai pengaruh dan berkuasa, perlu membuat tinjauan ke beberapa daerah yang dikatakan pemberian hantarannya terlalu tinggi sehingga memberatkan pihak lelaki yang sudah sampai jodoh. Peraturan yang lebih terperinci lagi tentang pemberian mahar yang disyariatkan oleh Islam perlu banyak dikaji agar amalan masyarakat yang telah wujud bertepatan dengan kehendak Islam dan ia dapat dijadikan panduan kepada generasi yang akan datang.

Kantor Urusan Agama (KUA) yang membidangi urusan kahwin cerai dalam masyarakat, serta jurunikah (penghulu) dan Pegawai Pencatat Nikah (P2N), sama ada di daerah ataupun perkampungan memiliki peranan penting dalam memberikan pemahaman kepada pasangan yang ingin berkahwin. Kedudukan mereka yang berpengaruh dan sentiasa berdampingan dengan masyarakat memudahkan lagi usaha mereka ke arah tersebut. Pemahaman mengenai perkahwinaan merupakan perkara penting, sehingga dengan pemahaman ini tidak timbul soal meninggikan terhadap kadar mahar dan hantaran kepada pihak lelaki. Oleh yang demikian, pihak Kantor Urusan Agama sepatutnya memberi penjelasan tentang kedudukan sebenar mahar yang dituntut oleh Islam kepada pasangan yang ingin berkahwin sebelum dilaksanakan majlis perkahwinan.

Sesungguhnya Islam tidaklah memfardhukan sesuatu itu dengan tanpa ada sebarang tujuan. Oleh itu, pensyaritan mahar bukanlah untuk menjaga status keluarga seseorang dalam masyarakat. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam hal ini untuk memahami konsep sebenar dalam pensyariatan mahar. Sepatutnya ibu bapa memberi contoh kepada anaknya supaya tidak selalu memandang status seseorang dengan melihat kepada harta bendanya. Ibu bapa perlu sedar bahawa kebahagiaan sebenar bukan terletak pada mahar ataupun hantaran yang tinggi. Namun, bakal suami yang selalu berpegang teguh dengan ajaran agama Islam juga merupakan faktor utama yang akan menentukan kebahagiaan seseorang di dunia mahupun di akhirat.

Pembentukan keluarga yang *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* merupakan keinginan setiap keluarga. Namun begitu, hal ini tidak akan terwujud tanpa adanya

kesedaran dan penghayatan sebenar terhadap Islam. Oleh itu, pemahaman pasangan pengantin yang ingin berkahwin merupakan asas utama dalam memahami sesebuah perkahwinan, terutama dalam permasalahan mahar dan hantaran.

#### **4.3. Penutup**

Budaya meninggikan kadar hantaran yang terdapat dalam beberapa kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka adalah berpunca daripada sikap masyarakat itu sendiri. Mereka terlalu mengutamakan pemberian hantaran dalam sesebuah perkahwinan berbanding yang lain.

Di samping itu, pihak-pihak tertentu yang berpengaruh dan berkuasa kurang memberi pendedahan tentang asas-asas perkahwinan, terutama dalam permasalahan mahar dan hantaran yang banyak diamalkan dalam kalangan masyarakat Islam Pulau Bangka. Maka, tidak hairan apabila adat istiadat cenderung mempengaruhi dalam melaksanakan sesebuah perkahwinan sehingga masyarakat telah meletakkan mahar dan hantaran di tempat yang tidak sepatutnya dan menjadi satu beban serta tekanan kepada pihak-pihak tertentu.

Namun, segala permasalahan tersebut dapat diatasi jika masyarakat mempunyai kesedaran dan penghayatan sebenar terhadap Islam. Untuk itu, setiap individu daripada lapisan masyarakat perlu meningkatkan kesedaran terhadap Islam, sehingga adat istiadat yang tidak bersesuaian dengan syariat Islam dapat diketepikan. Selain itu, pihak-pihak

tertentu juga perlu memainkan peranan masing-masing dalam memberi penerangan kepada orang ramai agar permasalahan ini tidak terus berleluasa. Jadi, sokongan daripada semua pihak sangat diperlukan agar sebarang usaha yang dijalankan berhasil.